

**PERMASALAHAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI : SATU KAJIAN DI
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi¹, Mohd Izzuddin Mohd Pisol,¹ Fahed Maromar², Mohamad Rofian Bin Ismail³, Ahmad Rezdaudin Bin Ghazali³

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor1
Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor2
Fakulti Peradaban Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor3

salihinhafizi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab merupakan satu permasalahan utama dalam konteks komunikasi. Maka kajian tinjauan ini dijalankan untuk melihat persepsi pelajar terhadap permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kauntitatif yang mana kaedah ini menggunakan instrumen soal selidik. Responden kajian ini melibatkan seramai 149 pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Hasil kajian mendapati permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab dalam kalangan pelajar berada pada sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai masalah dari sudut sesi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab

Kata kunci : Pembelajaran, Kemahiran, Bertutur, Bahasa Arab

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kemahiran bertutur adalah sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui komunikasi yang baik, pensyarah dapat menyampaikan ilmu serta maklumat secara tepat dan padat. Namun, permasalahan dan isu kemahiran bertutur perlu diberi perhatian. Kebanyakan pelajar di institusi awam dan swasta masih lemah dalam penguasaan kemahiran bertutur bahasa arab.

Selain itu, kebanyakan pelajar yang mengambil jurusan bahasa arab tidak boleh menguasai kemahiran bertutur bahasa arab dengan baik. Ini kerana pelajar masih tidak mampu lemah dari sudut perbendaharaan kata. Menurut Suraya (2011) pelajar melayu yang mengambil bidang pengkhususan Bahasa Arab masih tidak dapat menguasai Bahasa Arab dengan baik.

1.2 Penyataan Masalah

Permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab dapat di lihat dari pelbagai sudut. Permasalahan utama yang dihadapi kekurangan perbendaharaan kata menjadi faktor utama kepada masalah dalam berkomunikasi khususnya. Kelemahan ini mengakibatkan proses komunikasi akan menjadi tidak lancar dan gagal dalam menyampaikan mesej dengan jelas (Gan, 2012). Antara bentuk masalah lain berkaitan kosa kata termasuklah penggunaan kosa kata yang kurang tepat dalam pertuturan, penggunaan kosa kata yang tidak diperlukan dalam pertuturan serta meninggalkan kosa kata yang sepatutnya ada dalam struktur ayat tersebut (Azani, Azman & Mat Taib, 2012). kekurangan kosa kata dan kesalahan struktur bahasa menyebabkan pelajar tidak dapat menyampaikan pandangan mereka dengan jelas kepada pendengar (Ashinida, 2012; Gan, 2012; Bouchareb, 2010).

Selain itu, Kesalahan struktur bahasa atau penggunaan tatabahasa merupakan faktor kedua yang menyebabkan para pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing (Tanveer, 2007). Dalam kajian Naimah dan Aini (2005), pelajar telah belajar Bahasa Arab secara formal namun masih bermasalah untuk bertutur Bahasa Arab dengan baik. Bailey (2005) berpendapat ramai pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa mendapati kemahiran bertutur lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain.

Seterusnya, kesan daripada kurangnya motivasi, keyakinan diri dan perasaan malu untuk bertutur dalam bahasa asing, pelajar menjadi kurang berinisiatif untuk berkomunikasi. Pelajar lebih suka menggunakan bahasa ibunda sebagai ganti kepada bahasa kedua ataupun mereka mengambil sikap berdiam diri sahaja (Alibakhshi & Padiz, 2011).

Walaupun bahasa Arab sudah lama bertapak dan kini memasuki abad ke 21, namun pencapaian pelajar dalam subjek ini masih lagi pada tahap yang rendah. Kebanyakan kajian dijalankan mendapati pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih belum mampu mencapai matlamat dan objektif yang sebenar (Kamarulzaman Abdul Ghani, 2010)

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab dalam kalangan pelajar KUIS.

1.4 Soalan Kajian

Secara khusus kajian ini cuba menjawab persoalan berikut :

- i. Apakah permasalahan pelajar terhadap pembelajaran kemahiran bertutur dalam bahasa arab.

1.5 Kepentingan Kajian

Kemahiran bertutur sangat penting dan merupakan kemahiran lisan yang perlu dimahiri oleh pelajar bagi meningkatkan dalam pertuturan. Di Malaysia, bahasa Arab dijadikan sebagai bahasa yang penting dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa Arab kini banyak digunakan dalam pelbagai bidang antaranya politik, sosial, kemasyarakatan dan pendidikan. Kelemahan dan permasalahan yang timbul dalam kajian ini adalah untuk memberi penambahbaikan terhadap permasalahan pelajar. Selain itu, penggunaan teknik kemahiran bertutur yang sesuai dapat meningkatkan pedagogi kemahiran bertutur.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Masalah pembelajaran amnya sangat dibimbangi oleh para pelajar khususnya yang mengambil pendidikan atau pengajaran bahasa Arab. Penguasaan yang lemah menyebabkan kemerosotan dalam pembelajaran. Pelbagai faktor kepada permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab belum mampu dapat diatasi segelintir pelajar. Menurut Suraya (2011), pelajar Melayu yang mengambil bidang pengkhususan Bahasa Arab masih tidak dapat menguasai Bahasa Arab dengan baik.

Menurut Azman Cik Mat & Goh Ying Soon (2010) penyebab utama pelajar tidak dapat menguasai pertuturan Bahasa Arab dengan baik ialah kekurangan kosa kata menyebabkan berlakunya kelancaran untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Arab.

Selain itu, pelajar-pelajar di IPTS umumnya beranggapan bahawa penguasaan bahasa asing sangat susah untuk dipelajari. Menurut Zawawi (2001) menyatakan pelajar kurang berkemampuan untuk menguasai kerana beranggapan bahasa asing dan penggunaannya dalam masyarakat tidak meluas. Permasalahan pembelajaran bahasa Arab juga boleh dilihat dari sudut persekitaran setempat. Persekitaran tempat khususnya dipengaruhi oleh kemampuan pelajar untuk berkomunikasi dengan baik serta induksif. Persekitaran bahasa yang diwujudkan tidak menyeluruh kepada semua tempat dan hanya tertumpu pada sesuatu kawasan sahaja.

3.0 METODOLOGI

3.1 Rekabentuk kajian

Kajian ini menggunakan kajian kuantitatif iaitu kajian yang menjalankan satu tinjauan untuk mengkaji permasalahan dan kelemahan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah tersebut dan juga menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005; Azhar Harun et al., 2005). Lokasi kajian tertumpu di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

3.2 Sampel Kajian

Persampelan kajian ini adalah seramai 149 responden sahaja. Menurut Neuman (2000) berpendapat sampel kajian yang diambil secara rawak membolehkan pengkaji membuat satu generalisasi secara tepat berkenaan dengan populasi yang dipilih. Persampelan merupakan satu proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian (Chua, 2005). Persampelan juga merupakan satu aspek yang penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik persampelan rawak mudah.

3.3 Instrument kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrument untuk melihat tahap masalah pelajar dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab. Satu set soal selidik telah dibangunkan bagi tujuan mengumpul maklumat berkaitan proses pembelajaran dan pengajaran kemahiran berbahasa Arab. Soal selidik bahagian Masalah Pelajar Dalam Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab terdiri daripada 13 item. Semua item soal selidik mengkehendaki pelajar memberi maklumbalas terhadap pernyataan berdasarkan skala likert yang terdiri daripada tahap 1 = sangat tidak setuju sehingga tahap 5 = sangat setuju.

3.4 Prosuder pengumpulan data

Dalam kajian ini, kaedah pengedaran soal selidik adalah kaedah yang sesuai dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Kaedah pengedaran soal selidik ini bertujuan untuk memberikan maklumat dalam bentuk pengukuran pembolehubah (variable) sama ada individu atau kumpulan. Soalan-soalan direka untuk mengukup sikap atau fenomena seperti persepsi kumpulan, tahap penghayatan, tahap keugamaan, bentuk peranan dan sebagainya (Ahmad Sunawari Long 2016: 72). Bagi mendapat analisis deskriptif, ujian skala Likert lama mata telah dijalankan dengan diberi nilai 1 hingga 5 di mana 1= tidak pasti, 2 = sangat tidak setuju, 3 = tidak setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju. Jadual 3.1 menunjukkan darjah persetujuan mereka bagi item-item tersebut di mana jadual ini akan dijadikan panduan untuk menganalisis.

Jadual 3.4.1 Darjah Persetujuan Responden

Skor	Darjah Persetujuan
1	Sangat Tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

Sumber: Hasanah Yusuf (2006)

3.5 Prosuder Analisis Data

Penganalisan data kajian ini menggunakan kaedah statistik deskriptif. Analisis deskriptif yang digunakan adalah bagi menghurai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Data yang dihuraikan berdasarkan analisis ini melibatkan semua instrumen dalam kajian ini iaitu soal selidik. Data kajian yang diperoleh daripada set soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Bagi menilai tahap kajian ini, pengkaji

menggunakan interpretasi skor min yang telah digunakan oleh Nunnaly dan Bernstein (1994) seperti ditunjukkan pada Jadual 2

Jadual 3.5.2 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Nunnaly & Bernstein, (1994)

4.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian akan menghuraikan terhadap masalah pelajar dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) . Berikut adalah jadual analisis dapatan seperti berikut :

Jadual 4.1: Taburan Min, Sisihan Piawai dan interpretasi Min Permasalahan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di Kolej Universtiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Item	Min	S.P	Interpretasi
1 Saya malu bercakap bahasa Arab samada di dalam kelas atau di kampus.	3.01	.885	Sederhana tinggi
2 Saya takut diketawakan dan disindir oleh rakan sekelas jika salah ketika bertutur dalam bahasa Arab.	2.93	.994	Sederhana rendah
3 Saya tidak yakin kepada diri sendiri semasa mempelajari kemahiran bertutur di dalam kelas.	2.99	.989	Sederhana rendah
4 Saya tidak diberikan galakan untuk mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik.	2.72	.914	Sederhana rendah
5 Saya kurang mampu bertutur semasa menjalani aktiviti pembelajaran kemahiran bertutur dalam kelas.	3.08	.940	Sederhana tinggi
6 Saya rasa persekitaran di IPT tidak mendorong saya menggunakan bahasa Arab dalam pertuturan.	3.20	1.03	Sederhana tinggi
7 Saya kurang mampu menggunakan tatabahasa yang betul semasa bertutur bahasa Arab di kelas.	3.61	.851	Sederhana tinggi
8 Saya tidak berusaha memperbanyakkan aktiviti mendengar pertuturan orang Arab secara intensif di kampus.	3.50	.941	Sederhana tinggi
9 Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran di IPT tidak mencukupi kepada saya untuk mempelajari kemahiran bertutur.	3.06	1.04	Sederhana tinggi

10	Saya rasa pensyarah saya tidak kompeten dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.	2.20	.915	Sederhana rendah
11	Saya berasa tidak minat mempelajari kemahiran bertutur kerana aktiviti pengajaran yang membosankan	2.36	.995	Sederhana rendah
12	Saya tidak diberi peluang untuk mengaplikasikan kemahiran bertutur di dalam kelas.	2.43	1.02	Sederhana rendah
13	Saya tidak dapat memperuntukan masa yang cukup untuk mempraktikkan pertuturan bahasa Arab.	3.06	1.16	Sederhana tinggi
Min Keseluruhan		2.93	.572	Sederhana rendah

Jadual 4.1 di atas menunjukkan terdapat 7 item yang mempunyai min sederhana tinggi dalam konstruk permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab. Dapatan menunjukkan item Saya kurang mampu menggunakan tatabahasa yang betul semasa bertutur bahasa Arab di kelas.(min =3.61), Saya tidak berusaha memperbanyakkan aktiviti mendengar pertuturan orang Arab secara intensif di kampus.(min=3.50), Saya rasa persekitaran di IPT tidak mendorong saya menggunakan bahasa Arab dalam pertuturan.(min=3.20), Saya kurang mampu bertutur semasa menjalani aktiviti pembelajaran kemahiran bertutur dalam kelas.(min=3.08), Saya tidak dapat memperuntukan masa yang cukup untuk mempraktikkan pertuturan bahasa Arab dan Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran di IPT tidak mencukupi kepada saya untuk mempelajari kemahiran bertutur.(min= 3.06), Saya malu bercakap bahasa Arab samada di dalam kelas atau di kampus.(min=3.01).

Manakala bagi hasil dapatan yang mempunyai min sederhana rendah pula 6 item. Hasil dapatan menunjukkan item Saya tidak yakin kepada diri sendiri semasa mempelajari kemahiran bertutur di dalam kelas (min=2.99), Saya takut diketawakan dan disindir oleh rakan sekelas jika salah ketika bertutur dalam bahasa Arab.(min=2.93), Saya tidak diberikan galakan untuk mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik. (min=2.72), Saya tidak diberi peluang untuk mengaplikasikan kemahiran bertutur di dalam kelas. (min=2.43), Saya berasa tidak minat mempelajari kemahiran bertutur kerana aktiviti pengajaran yang membosankan (min=2.36) dan Saya rasa pensyarah saya tidak kompeten dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab (min=2.20).

Maka dapatan kajian bagi min keseluruhan bagi konstruk permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab adalah 2.93. Interpretasi skor min menunjukkan min keseluruhan bagi konstruk ini adalah sederhana rendah.

5.0 PERBINCANGAN

Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar malu untuk bercakap bahasa arab samada dalam kelas mahupun di kampus. Permasalahan ini mendorong kepada kelemahan pelajar dalam bertutur dalam bahasa arab. Menurut Alkusaury (1998) mendapati bahawa masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar ialah malu dan takut untuk bertutur dalam bahasa Arab terutama sekali pelajar di Malaysia.

Selain itu, persekitaran di dalam IPT atau kampus juga mendorong kepada permasalahan kepada pembelajaran bahasa arab. Persekitaran yang tidak kondusif membolehkan pelajar tidak mahir bertutur dalam bahasa arab dengan baik.

Hasil dapatan juga mendapati bahawa pelajar menggunakan tatabahasa yang salah semasa didalam kelas. kesalahan penggunaan tatabahasa merupakan antara faktor yang

menyebabkan para pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Menurut Azani, Azman & Mat Taib (2012) menyatakan, terdapat beberapa kesalahan struktur bahasa yang dilakukan oleh pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab iaitu penggunaan yang salah bagi istilah idhafah, kata tunjuk, kata kerja, subjek dan predikat, kata nama am dan nama khas serta kesalahan morfologi. Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran tidak mencukupi menyebabkan pelajar tidak dapat mahir bertutur dalam bahasa arab. Kegunaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap mampu membantu pelajar dalam pertuturan bahasa arab.

Kebanyakan pelajar tidak mencukupi masa untuk mempraktikkan pertuturan bahasa arab. Ini kerana mereka tidak mempraktikkan bersama rakan sekelas. Kajian Lynch (2006) menyatakan bahawa pembelajaran sesama rakan sepengajian didapati mempunyai kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar.

6.0 PENUTUP

Permasalahan pembelajaran bagi kebanyakan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab masih lemah dalam penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab. Faktor pada kelemahan menjadi punca kepada kesalahan pelajar dalam bertutur bahasa arab. Penekanan perlu diberi dalam kemahiran bertutur bahasa arab bagi meningkatkan tahap kemahiran serta kelancaran pelajar. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini dapat membantu pelajar serta tenaga pengajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab. Teknik pengajaran perlu di susun berdasarkan permasalahan agar tumpuan dapat diberikan kepada penguasaan kosa kata atau perbendaharaan kata. Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik dapat membantu menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan. Menurut Abiden (2010) menyatakan bahawa guru perlu menghasilkan pelbagai BBM yang sesuai dan menarik serta dapat menjana idea yang bernas untuk menentukan aktiviti yang lebih kreatif di dalam P&P.

7.0 RUJUKAN

- Alkusaury, M. A. (1998). Pendekatan komunikatif bagi pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dlm. Juriah Long (pnyt.), Inovasi dalam perkaedahan pengajaran bahasa, sains sosial dan teknologi maklumat. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(2), 645-666.
- Azhar harun dan Nawī Abdullah et.al (2004), Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial, Malaysia:Thomson Learning, h.82.
- Azani Ismail @ Yaakub. Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 325-337.
- Azman Che Mat, and Goh, Ying Soon (2010) Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi : perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2).
- Bailey, K.M. (2005). *Speaking*. New York: McGraw-Hill.
- Bouchareb, N. (2010). *The Role of Foreign Language Learners' Self- Esteem in Enhancing Their Oral Performance The Case of Second Year LMD Students of English, University of Constantine*. Mentouri University - Constantine.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

- Daud, M.Y, Ahmad, M. & Lubis, M.A. (2006). Penggunaan Internet Dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim et.al., Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Gan, Z. (2012). Understanding L2 Speaking Problems: Implications for ESL Curriculum Development in a Teacher Training Institution in Hong Kong. *Australian Journal of Teacher Education*. 37(1), 42-59.
- Jamil Ahmad. 1993. Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah Negeri Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis PhD. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Lynch, D. J. (2006). Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades. *College Student Journal*, 40(2), 423-428.
- Mohd. Majid Konting. (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Naimah, A., & Aini, A. (Cartographer). (2005). Kajian tentang persepsi pelajar UiTM terhadap kepentingan bahasa ketiga di UiTM.
- Noordin, H.S & Zainal Abiden, N.F. (2010). Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Bakal Guru Fizik Semasa Latihan Mengajar. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman 2011. Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia. *Journal of Languages Study*: 11(2).
- Zawawi Ismail, Abd Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab Di SMKA di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 11(2) May 2011.